

05 MAR 1998

SYARIKAT GERGASI INSURANS AS AETNA BERMINAT MELUASKAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Aetna International yang berpangkalan di Amerika Syarikat hari ini menyuarakan minat untuk memperluaskan operasinya di Malaysia, khusus dalam bidang kesihatan dan berkaitan persaraan memandangkan potensi yang besar di sini.

"...Kami mahu menceburi perniagaan persaraan dan kesihatan," kata pengerusi Aetna International Inc Michael Stephen selepas menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini. Aetna International adalah sebahagian daripada Aetna Inc.

"Kami rasa perniagaan ini mempunyai peluang yang luas di Malaysia dan kami sedang mengkaji cara-cara untuk membuat pelaburan jangka panjang ini," tambah beliau.

Operasi Kumpulan Aetna di Malaysia, melalui anak syarikatnya, Aetna Universal Insurance Sdn Bhd, memberi tumpuan kepada insurans nyawa dan insurans am.

Kata Stephen syarikatnya memberi tumpuan kepada Malaysia kerana negara ini "menonjol sebagai lokasi terbaik di kalangan negara-negara Asia yang menghadapi krisis kewangan serantau." -- BERNAMA

JR KY MA